



## PEMBERITAHUAN

(Ruj: PKP2 / MPKangar / 2021 / 03)

### MAKLUMAN PENGEMASKINIAN WAKTU OPERASI AKTIVITI PERNIAGAAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Adalah dimaklumkan, waktu operasi untuk aktiviti perniagaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dikemaskini adalah seperti berikut :

AKTIVITI PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI
Restoran, kedai / gerai makan, kenderaan bersaji ( <i>food truck</i> ), penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera / pusat penjaja, gerai makan tepi jalan / kiosk  Nota : <i>Penjualan makanan hanya dibenarkan secara bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran sahaja. Dine-in tidak dibenarkan.</i>	6.00 pagi hingga 10.00 malam
Kedai runcit dan kedai serbaneka	6.00 pagi hingga 10.00 malam
Hospital, klinik dan makmal perubatan	24 jam
Kedai farmasi / penjagaan diri	6.00 pagi hingga 10.00 malam
Kedai keperluan harian	6.00 pagi hingga 10.00 malam
Stesen minyak (kecuali stesen minyak di lebuh raya boleh beroperasi sehingga 24 jam)	6.00 pagi hingga 10.00 malam
Klinik dan kedai makanan haiwan	6.00 pagi hingga 10.00 malam
Kedai dobi dan kedai cermin mata / alat optic	6.00 pagi hingga 10.00 malam
Kompleks membeli belah, Pasaraya / pasaraya besar / <i>Departmental store</i>  <i>(hanya makanan, keperluan harian, keperluan bayi dan kanak-kanak, perubatan, peralatan elektrik dan berkaitan perlindungan dengan COVID-19)</i>	6.00 pagi hingga 10.00 malam
Kedai perabot, Kedai emas Kedai elektrik & elektronik Kedai buku & alat tulis Kedai <i>hardware</i> , Kedai telefon Kedai peralatan sembahyang dan pengebumian	6.00 pagi hingga 10.00 malam
Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti (termasuk premis 3S dan 4S) Pusat pagedaran dan jualan kereta	6.00 pagi hingga 10.00 malam

**Aktiviti Pasar Malam, Pasar Pagi dan Pasar Tani (Terkawal) SEDIA ADA Anjuran Majlis Perbandaran Kangar Atau Pihak Ketiga**

Dimaklumkan bahawa, **Pasar Malam** dibenarkan beroperasi seperti biasa pada **sebelah malam. Jadual hari operasi adalah dikekalkan.** Operasi Pasar Malam, Pasar Pagi dan Pasar Tani (Terkawal) adalah tertakluk kepada *Standard Operating Procedure* (SOP) yang sedang berkuatkuasa.

Waktu operasi pasar adalah seperti berikut :

<b>AKTIVITI PERNIAGAAN</b>	<b>WAKTU OPERASI</b>
Pasar pagi / pasar tani (Terkawal)	7.00 pagi hingga 2.00 petang
Pasar borong	4.00 pagi hingga 9.00 pagi
Pasar basah	6.00 pagi hingga 2.00 petang
Pasar malam	4.00 petang hingga 10.00 malam

Kategori / Aktiviti tidak dibenarkan :

Jualan pakaian, kasut dan semua aktiviti selain daripada yang tersenarai dalam SENARAI PERHIDMATAN PERLU adalah **TIDAK DIBENARKAN.**

Sebarang permohonan permit baru bagi aktiviti Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Tani dan Bazar Jualan adalah **DIBEKUKAN** sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sehubungan dengan itu, pemberitahuan Majlis Perbandaran Kangar sebelum ini (Rujukan : PKP2 / MPKangar / 2021 / 02) adalah **TERBATAL.**

Untuk maklumat lanjut mengenai *Standard Operating Procedure* (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sila layari : <https://www.mkn.gov.my>

Sekian, terima kasih.

**Arahan,**

**SETIAUSAHA**  
**MAJLIS PERBANDARAN KANGAR**  
**03 Februari 2021**